



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PUSAT KUARANTIN DI INSTITUT SOSIAL MALAYSIA TERIMA 132 PELAJAR TAHFIZ MASJID SRI PETALING

Institut Sosial Malaysia (ISM) yang merupakan sebuah Institut Latihan Awam di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diwartakan pada 21 Mac 2020 sebagai salah satu Pusat Kuarantin bagi operasi menangani wabak Covid-19.

Semenjak itu, persiapan telah dimulakan untuk menerima kumpulan pertama pelajar yang meliputi aspek penyediaan tempat tinggal, keperluan makan minum, keselamatan, mekanisme saringan dan penetapan petugas dari pelbagai agensi.

Pada hari ini, ISM telah siap sedia untuk menerima kumpulan pelajar pertama seramai 132 orang yang terdiri daripada para pelajar tahfiz dari Masjid Sri Petaling. Kumpulan ini yang melibatkan pelajar berumur di antara 15 hingga 30 tahun telah melalui proses saringan (*screening*) awal dan perlu diasingkan serta dipantau tahap kesihatan mereka untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kumpulan pertama pelajar ini dijangka tiba pada tengah hari ini.

Seramai 80 orang petugas daripada pelbagai agensi telah dikenal pasti untuk ditempatkan di stesen ini termasuk 25 orang petugas daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan ISM. Mereka akan ditugaskan secara bergilir mengikut jadual bersama-sama dengan para petugas lain daripada APM, KKM, PDRM, PGA, Bomba, RELA dan RADICARE.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
23 MAC 2020